

Hari: **Khamis**
Bahasa Melayu (Minggu 1): **Fahaman**
Sumber: Buku Teks Tahun 5

Tarikh: **6 Januari 2022**

UNIT 1: **KEKELUARGAAN (Latihan 1)**
Bahagian 1: **Rumahku Syurgaku**

Objektif Pengajaran:

Latihan 1: **menjawab soalan kefahaman dengan ayat jawapan yang lengkap.**

Arahan: Teliti perbualan di bawah.

Haji Badri dan Hajah Salhah telah membawa nenek Fahmi, iaitu Hajah Siti Melur dari kampung ke rumah mereka terletak di Bandar Seri Begawan.

- Fahmi: Bagaimanakah keadaan nenek sekarang?
- Nenek: Nenek sudah beransur-ansur pulih. Nenek sungguh gembira kerana dapat bertemu dengan cucu-cucu nenek.
- Fahmi: Wah, seronoknya saya apabila melihat nenek sudah sihat! Kalau begitu bolehlah saya bertanya kepada nenek tentang salasilah keluarga kita.
- Nenek: Oh, boleh! Biar nenek jelaskan. Moyang nenek bernama Badar. Beliau berasal dari Bintulu, Sarawak. Moyang hanya mempunyai seorang anak bernama Badrul, iaitu anak hasil perkahwinannya dengan Cempaka. Badrul pula telah telah berkahwin dengan Salmah. Mereka mempunyai tiga orang anak. Yang sulung bernama Mahmud. Yang tengah bernama Kemboja dan yang bungsu pula bernama Murad. Mahmud adalah ayah nenek. Ibu nenek pula bernama Mawar. Kemboja pula mak ngah dan Murad pak cik nenek.
- Fahmi: Oh, begitu! Nek, sejak bilakah moyang nenek berhijrah ke Kuala Belait?
- Nenek: Beliau telah berhijrah ke situ lebih setengah abad yang lalu. Di situlah nenek dilahirkan. Nenek ini anak tunggal mereka. Nenek pula telah berkahwin dengan datuk kamu, Haji Kadir, kira-kira 45 tahun yang lalu.
- Fahmi: Terima kasih, nek. Sekarang, bolehlah saya siapkan tugas ini.
- Nenek: Sama-sama, Fahmi.

Tidak lama kemudian, kakak Fahmi, Suhana, masuk ke ruang tamu. Dia membawa sepucuk surat.

- Suhana: Nenek, surat ini daripada Abang Norman.
- Nenek: Tolong bacakan surat itu untuk nenek.
- Suhana: Baiklah, nek.

Pilihan jawapan

Nama datuk Fahmi ialah Haji Kadir.
Suhana memberikan sepucuk surat daripada Abang Norman.
Moyang nenek Fahmi berhijah ke situ lebih setengah abad yang lalu.
Nenek Fahmi adalah anak tunggal.
Fahmi bertanya kepada nenek tentang salasilah keluarga mereka.
Beliau berasal dari Bintulu, Sarawak.
Nenek sudah beransur-ansur pulih.
Nenek berasa sungguh gembira kerana dapat bertemu dengan cucu-cucunya.
Nenek Fahmi bernama Hajah Siti Melur.
Rumah mereka terletak di Bandar Seri Begawan.

Latihan 1: **Baca soalan. Kemudian jawab dengan ayat jawapan yang lengkap.**

1) Siapakah nama nenek Fahmi?

2) Di manakah letaknya rumah keluarga Fahmi?

3) Bagaimanakah keadaan nenek Fahmi?

4) Mengapakah nenek berasa sungguh gembira?

5) Apakah yang ditanya oleh Fahmi kepada neneknya?

6) Dari manakah asal moyang nenek bernama Badar?

7) Sejak bilakah moyang nenek Fahmi berhijrah ke Kuala Belait?

8) Berapa ramaikah adik-beradik nenek Fahmi?

9) Siapakah nama datuk Fahmi?

10) Apakah yang diberikan Suhana kepada neneknya?